



BUKU ĚMPAT

29

x 3

$$71 + 16 = 87$$

KIRA
KIRA

SĚKOLAH RĚNDAH

Siri Buku2 Sėkolah DBP Bil. 67

KIRA-KIRA SĔKOLAH RĔNDAH

BUKU IV

Di-tėrbitkan oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kėmėntėrian Pėlajaran
Pėrsėkutuan Tanah Mėlayu
Kuala Lumpur.
1963

Naskhah asal buku ini bertajuk "Primary Arithmetic For Malaysians — Book 4 (Federation Series)" keluaran Penerbit Timor Jauh, Singapura, yang telah di-pinda dan di-terjemahkan di-Dewan Bahasa dan Pustaka oleh **Omar Baki bin Ahmad** dan di-sunting oleh **Abdul Hamid bin Hassan**.

Chetakan Pertama 1963
(Hak Pengarang Terpelihara)

Harga-nya \$2.40

Di-chetak dengan photolithography oleh
S. B. Perchetakan Tien Wah (P.T.M.)
Petalang Jaya.

SA-PATAH KATA

Buku KIRA-KIRA SĒKOLAH RĒNDAH ini ia-lah satu siri baharu unok pĕlajaran kira-kira di-sĕkolah-sĕkolah rĕndah yang bahasa pĕngantar-nya bahasa kĕbangsaan. Siri ini mĕngandongi lima buku (Buku II hingga buku VI) unok di-pakai dalam darjah dua, tiga, ĕmpat, lima dan ĕnam. Unok darjah satu tĕlah ada buku lain yang di-namakan BUKU ANGKA, di-tĕrbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka juga.

Buku Kira-kira Sĕkolah Rĕndah ini di-tĕrjemahkan dari bahasa Inggĕris. Dari bĕbĕrapa siri buku kira-kira yang tĕlah di-semak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, buku siri ini-lah yang di-dapati paling sĕsuai di-pandang dari sĕgi ka'edah dan chara pĕngajaran kira-kira zaman sĕkarang, sĕrta sĕsuai pula mĕngikut sukatan pĕlajaran.

Yang istimewa pada buku ini ia-lah pĕnggunaan warna dan gambar-gambar lukisan yang tujuan-nya bukan sahaja unok mĕnarek kĕsukaan kanak-kanak tĕtapi juga mĕmudahkan chara-chara mĕngajar dan mĕmpĕlajari-nya.

Sa-lain dari itu buku ini tidak sahaja mĕngandongi latehan-latehan tĕtapi ada pula pĕnĕrangan-pĕnĕrangan yang mĕmudahkan guru-guru mĕngajar dan mĕnyĕnangkan murid mĕmahamkan pĕlajaran-pĕlajaran itu. Ka'edah yang sapĕrti ini amat kurang tĕrdapat dalam buku kira-kira yang biasa di-pakai dalam sĕkolah-sĕkolah Mĕlayu dahulu.

Kĕjayaan mĕnggunakan buku ini bĕrgantong-lah kapada guru-guru. Kapada para guru kami mĕngharapkan kĕrjasama sa-banyak-banyak-nya supaya sudi mĕnyampaikan kapada kami hasil pĕngalaman mĕreka mĕnggunakan buku ini. Dari pĕngalaman itu kĕlak tĕntu-lah para guru dapat mĕmbĕri fikiran tĕntang kĕlĕmahan-kĕlĕmahan yang patut di-pĕrbaiki dalam chetakan kĕdua dan sa-tĕrus-nya.

Syed Nasir bin Ismail

Pĕngarah

Dewan Bahasa dan Pustaka.

ISI-NYA

Muka Surat

Mëngënal rumah angka dan nilai-nya	1— 9
Ĕmpat Ka'edah Kira-kira: Champor	10— 16
Tolak	17— 22
Dharab	23— 28
Bahagi	29— 36
Kira-kira bërso'alan	37— 44
Pëchahan	45— 74
Waktu	75— 77
Kalendar: Bilangan Hari dalam sa-bulan dan sa-tahun	78— 79
Timbangan Inggëris; Paun dan Aun	80— 88
Timbangan Tanah Mëlayu: Kati dan Tahil ..	89— 90
Muatan: Pain, Quat, Gellen	91— 93
Gantang dan Chupak	94— 96
Angka-angka Roman	97— 98
Ukoran Panjang	99—105
Bil	106—108
Ukoran Batu	109—110
Mënggunakan Pëmbaris (Kaki)	111—112
Garisan Lurus, Sudut Tëpat, Ĕmpatsëgi Bujur ..	113—114
Ĕmpatsëgi Bujur dan Tigasëgi Sudut Tëpat ..	115—116
Pëchahan Përsapuluh	117—118
Mënggunakan Kërtas Gëraf dan Mëmbuat Chorak	119—125
Mëlipatkan Kërtas dan Mëmbuat Model ..	126—133
Samukor	134—135
Mëngulang Kaji	136—148
Ujian	149—155

ANGKA-ANGKA, SATU-, DUA-, DAN TIGA-RUMAH ANGKA



Kamu tahu, sē semua nombor-nombor ada-lah tē terjadi daripada angka-angka ini.

1 2 3 4 5 6 7 8 9 0

Kērbau dalam gambar ini lēbēh kurang tinggi-nya 3 kaki dan panjang-nya 6 kaki. Ada juga satēngah-satēngah kērbau yang tinggi-nya sampai 4 kaki lēbēh dan panjang-nya 8 kaki.

Angka-angka 6, 3, 8 dan 4 itu di-namakan **nombor satu rumah angka**.

1. Angka 6 itu ma'ana-nya 6 'sa'. Angka 3 itu ma'ana-nya 3 'sa'. Apa-kah ma'ana-nya angka 8 dan angka 4 itu?
2. Sē semua angka-angka dari 1 sampai 9 ada-lah di-namakan nombor satu-rumah angka. Chuba bilang dari 1 sampai 9 dan sēbutkan ma'ana tiap-tiap angka itu.

Tandok kērbau itu panjang-nya lēbēh kurang 28 inchi.

Nombor 28 itu pula di-namakan nombor dua-rumah angka. Angka yang di-sabēlah kanan itu lētak-nya dalam rumah 'sa' dan ma'ana-nya 8 'sa'. Angka yang di-sabēlah kiri itu pula tērlētak dalam rumah 'puloh' dan ma'ana-nya 2 'puloh'. Jadi, nombor 28 itu ma'ana-nya 2 'puloh' dan 8 'sa'.

3. Sē semua nombor dari 10 sampai 99 ada-lah di-namakan nombor dua-rumah angka. Chuba bacha nombor-nombor yang di-bawah ini dan sēbutkan apa ma'ana-nya tiap-tiap nombor itu.

72 34 68 45 27 93 16 59 81

4. Sa-jēnis kijang boleh bērlari 50 batu sa-jam. Nombor 50 itu tē terjadi daripada angka 5 dan 0 (sipar). Angka 5 itu ma'ana-nya 5 'puloh' dan angka 0 itu ma'ana-nya kosong 'sa' ia-itu tidak ada nilai dalam rumah 'sa'. Dan angka sipar itu juga mēnunjukkan yang angka lima itu ma'ana-nya 5 'puloh'. Apa-kah ma'ana-nya angka 5 itu jika tidak ada angka 0?

5. Nombor 20, ma'ana-nya 2 'puluh' dan kosong 'sa'. Apakah ma'ana-nya nombor 30, 60, 90, 40, 70, 10 dan 80?

Nombor 275, di-namakan nombor tiga-rumah angka. Angka yang di-sabèlah kiri sa-kali itu tērliètak dalam rumah 'ratus'. Jadi, nombor 275 itu ma'ana-nya 2 'ratus', 7 'puluh' dan 5 'sa'. Kita bacha nombor itu "dua ratus tujuh puluh lima".

6. Chuba bacha nombor-nombor tiga-rumah angka di-bawah ini dan sèbutkan apa-kah ma'ana-nya tiap-tiap nombor itu?

923 387 639 462 714 158 841 596

7. Dalam nombor 800 pula, angka 8 itu ma'ana-nya 8 'ratus'. Angka-angka sipar itu mènunjokkan tidak ada nilai 'puluh' dalam rumah 'puluh' dan tidak ada nilai 'sa' dalam rumah 'sa'. Kèdua-dua angka sipar itu mènunjokkan angka 8 itu ma'ana-nya 8 'ratus'. Apakah pula ma'ana-nya angka 8 itu jika ada satu sahaja angka sipar-nya? Dan apa pula ma'ana-nya jika tidak ada langsung angka sipar-nya?

8. Dalam nombor 507, angka 5 itu ma'ana-nya 5 'ratus', angka 0 itu ma'ana-nya kosong 'puluh', dan angka 7 itu ma'ana-nya 7 'sa'. Bacha nombor-nombor di-bawah ini dan sèbutkan apa ma'ana-nya masing-masing.

700 640 809 900 406 370 108 280

BĒRLATEH MĒNULIS NOMBOR

Kamu tidak akan dapat mēmbuat kira-kira dēngan sēngang dan bētul jika angka-angka atau nombor yang kamu tulis itu tidak bētul dan tērang sērta susah di-bacha.

23 ¹	23
4 ¹ 5 ¹	45

Chuba-lah bērlateh mēnulis nombor-nombor ini dēngan bētul dan tērang, supaya dapat di-bacha oleh orang lain.

6 ¹ 8	68
7 ¹ 9	79

Anak-anak panah itu mènunjokkan dari mana mēmudahkan mēnulis tiap-tiap angka itu.

1 ¹ 0	10
------------------	----

NOMBOR-NOMBOR ĘMPAT-RUMAH ANGKA

1. Nombor 1,000 ia-lah nombor Ęmpat-rumah angka. Nombor itu di-bacha "satu ribu". Ma'ana-nya sama-lah dęngan 10 'ratus'. Chuba bilang saratus-saratus sampai sa-puluh 'ratus'.

2. Rumah-angka yang kęempat di-sabęlah kiri sa-kali itu ia-lah rumah-angka 'ribu'. Angka 1 dalam nombor 1,000 itu ma'ana-nya 1 'ribu'. Apa-kah pula ma'ana-nya angka-angka sipar itu? Apa sębab kita tuliskan tiga angka sipar kalau kita hęndak męnulis nombor 1,000?

Buboh koma di-antara angka 1 dęngan angka-angka sipar dalam nombor 1,000 itu. Sębab kita buboh tanda koma di-antara rumah 'ratus' dęngan rumah 'ribu' itu supaya sęngang kita męmbacha-nya.

3. Rajah di-bawah ini męnunjokkan Ęmpat chara męma'ana-kan nombor 1,000 itu. Chuba-lah bacha ma'ana-ma'ana-nya itu.

1,000 ma'ana-nya	1	ribu,	0	ratus,	0	puluh,	0	sa.
1,000 ma'ana-nya	→	10	ratus,	0	puluh,	0	sa.	
1,000 ma'ana-nya	→	100	puluh,	0	sa.			
1,000 ma'ana-nya	→	1000	sa.					

Dalam 1,000 ada bęrapa ratus? bęrapa puluh? bęrapa sa?

4. Nombor 3,000 ini di-bacha "tiga ribu". Apa-kah ma'ana angka 3,000 itu? Apa sębab-nya nombor itu ada tiga angka sipar?

Nombor 1,800 ini pula di-bacha "sa-ribu lapan ratus." Ma'ana-nya ia-lah 1 ribu, 8 ratus, kosong puluh, dan kosong sa. Nombor ini boleh juga di-bacha "18 ratus".

5. Nombor 1961 ini boleh di-bacha "sa-ribu sęmbilan ratus Ęnam puluh satu" atau "sęmbilan bęlas ratus Ęnam puluh satu".

Bacha nombor-nombor di-bawah ini dęngan dua chara di-atas.

1511; 1641; 1786; 1819; 1941; 1957; 1877.

LAGI BĒRKĒNAAN DĒNGAN NOMBOR-NOMBOR ĒMPAT-RUMAH ANGKA

Rajah di-sabĕlah kanan ini mĕnunjokkan ma'ana nombor 7,532. Nombor itu di-bacha "tujoh ribu lima ratus tiga puluh dua". Dalam nombor itu ada bĕrapa ribu? bĕrapa ratus? bĕrapa puluh? bĕrapa sa?

7,000
500
30
2
7,532

Bacha nombor-nombor dalam soalan 1 dan 2 di-bawah ini.

Nombor yang pĕrtama itu ia-lah, "ĕmpat ribu lapan puluh ĕnam". Angka sipar itu mĕnunjokkan tidak ada nilai ratus dalam rumah "ratus".

Bacha nombor yang kĕdua pula, ia-itu "lapan ribu sĕmbilan". Apa-kah ma'ana-nya angka-angka sipar itu?

- | | | | | | |
|----|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. | 4,086 | 8,009 | 2,193 | 8,654 | 9,789 |
| 2. | 4,276 | 3,800 | 5,027 | 8,105 | 7,004 |

3. Bacha nombor yang pĕrtama dalam rajah yang di-sabĕlah kanan ini. Apa-kah ma'ana-nya angka 6 dalam nombor itu? bagitu juga angka 8, angka 5 dan angka 2?

4. Apa-kah ma'ana-nya angka 2 dalam nombor 8,526? dalam nombor 5,268? dalam nombor 2,685?

5. Dalam tiap-tiap satu daripada ĕmpat nombor itu chuba sĕbutkan apa-kah ma'ana-nya angka 5 itu? angka 6? angka 8?

rumah angka ribu
 rumah angka ratus
 rumah angka puluh
 rumah angka sa

6,852
8,526
5,268
2,685

Bacha, dan sĕbutkan ma'ana-nya tiap-tiap nombor di-bawah ini.

- | | | | | | |
|----|-------|-------|-------|-------|-------|
| 6. | 7,936 | 3,841 | 9,400 | 185 | 517 |
| 7. | 8,052 | 360 | 6,708 | 4,003 | 5,270 |

8. Che'gu tĕriakkan nombor-nombor dalam soalan di-atas dan kamu tulis dalam buku.

MĒNULIS, MĒMBACHA RINGGIT DAN SEN

Kamu tahu bahawa 100 sen itu sama dengan \$1.00. Wang yang jumlah-nya kurang daripada 100 sen boleh juga di-tulis dengan menggunakan tanda ringgit dan titek atau tanda sen-nya.

Mithal-nya, sembilan puluh lapan sen boleh di-tulis seperti ini; \$.98 atau 98 sen.

Tuliskan jumlah wang di-bawah ini dengan angka mengikut dua chara di-atas.

- | | | |
|--------------------|--------------------|--------------|
| 1. Tujoh puluh sen | 2. Empat puluh sen | 3. Lapan sen |
| 4. Dua belas sen | 5. Lima puluh sen | 6. Enam sen |

Nombor yang pertama di-sabelah kanan ini di-bacha "empat ringgit lima sen". Nombor yang kedua itu di-bacha "lima sen". Angka-angka sipar dalam kedua-dua nombor itu perlu di-tulis kerana mesti-lah sentiasa ada dua rumah angka sen apabila menuliskan jumlah wang dengan menggunakan tanda ringgit dan titek.

\$4.05

\$.05

Jikalau jumlah wang itu gënap tidak ada sen-nya, buboh-lah tanda ringgit-nya, kamu boleh menuliskan angka-angka sipar dan tanda sen-nya atau pun tidak. Dua puluh lima ringgit boleh di-tulis dengan dua chara kedua-dua-nya di-bacha "dua puluh lima ringgit".

\$25

\$25.00

Bacha nombor-nombor ini:

- | | | | | | |
|----|---------|----------|---------|--------|---------|
| 7. | \$.07 | \$10.40 | \$38 | \$.78 | \$4,701 |
| 8. | \$7.08 | \$496 | \$3,968 | \$3.50 | \$37.00 |
| 9. | \$14.96 | \$342.06 | \$19.00 | \$8.00 | \$.08 |

Tulis nombor-nombor di-bawah ini dengan angka. Jangan lupa menuliskan tanda ringgit dan titek sen-nya.

10. Enam ringgit empat puluh dua sen.
11. Tiga ratus lapan puluh sembilan ringgit.
12. Lima puluh tiga ringgit tujoh sen.
13. Lapan belas ringgit.

LAGI MĚMAHAMKAN NOMBOR

1. Baca nombor-nombor ini. Sĕbutkan bĕrapa ribu, bĕrapa ratus dan bĕrapa sa ada dalam tiap-tiap nombor itu.

a. 9,423 867 605 8,004 314

b. 6,040 308 920 4,802 917

2. Salin sĕmua nombor dalam Soalan **b** di-atas, susun bĕrderet ka-bawah. Jangan lupa angka “sa” hĕndak-lah bĕtul-bĕtul di-bawah rumah “sa”, angka “puluh” di-bawah rumah “puluh”, angka “ratus” di-bawah rumah “ratus” dan angka “ribu” di-bawah rumah “ribu”.

3. Baca nombor-nombor di-bawah ini. Sĕbutkan nombor yang banyak sa-kali nilai wang-nya dalam Soalan **a**; dalam barisan **b** pula sĕbutkan nombor yang sadikit sa-kali nilai wang-nya antara kĕdua-dua soalan **a** dan **b** itu.

a. \$8.42 \$16.50 \$149.20 \$780

b. \$8.02 \$165.47 \$1862 \$1,870

4. Salin sĕmua nombor dalam Soalan **b** di-atas. Tuliskan mĕngikut tĕrtib nilai-nya masing-masing mulakan dĕngan nombor yang banyak sa-kali nilai wang-nya.

5. Sĕbutkan apa-kah ma‘ana-nya angka-angka sipar dalam nombor-nombor di-bawah ini:—

307

4062

3250

6. Tuliskan nombor-nombor soalan 5 di-atas dĕngan tidak mĕmasokkan angka sipar-nya. Bĕrapa-kah jadi-nya nombor-nombor itu?

7. Di-antara nombor-nombor di-bawah ini nombor manakah yang banyak sa-kali nilai wang-nya?

\$6.54

\$654

\$652.98

8. Sĕbutkan apa-kah ma‘ana-nya angka-angka sipar dalam nombor-nombor ini.

703

2,082

950

3,006

9. Bĕrapa ringgit-kah jadi-nya, kalau di-buangkan angka sipar dalam nombor \$60.75 ini?